

PENGARUH HURUF KEPADA BAHASA DAN BANGSA

-----*-----*

Sungguhpun kita telah menyebarkan makalah-makalah yang ditulis oleh Tuan HAMKA, Pujangga Indonesia yang tidak payah dikenalkan lagi kepada pembaca-pembaca tetapi makalahnya yang kita siarkan di sini yang dipetik daripada majalah Hikmah ada baiknya ditatap oleh pembaca-pembaca supaya dapat menarik perhatian bahawa saudara-saudara kita di Indonesia rupa-rupanya telah menyedari bagaimana kesan dan pengaruhnya tulisan Jawi itu kepada kebudayaan Islam dan dengan sebab itu nampak kepada mereka bagaimana kesannya kepada kedudukan Islam di Indonesia sekarang- P.

-----*-----*

BERBALIK KEPADA HURUF JAWI

(dipetik daripada Majalah Hikmah Jakarta)

Bahasa adalah cerminan dari perasaan kita. Kemajuan bahasa adalah cerminan dari kemajuan kita berfikir dan penjelasan ke mana arah kemajuan kita.

Zaman dahulu kita seumumnya memakai huruf Arab, yang telah kita tambah beberapa huruf lain yang pada mulanya tak ada dalam bahasa Arab. Dengan lancarnya kita telah dapat memakai huruf Arab atau huruf Melayu dan di Jawa dinamai huruf Pegun. Dengan huruf itu pengarang-pengarang besar, sejak dari Hamzah Fansuri, Syamsuddin Sumaterani, Nuruddin al-Ramiri Abdul Rauf Singkel menuliskan bahasa Melayu lama yang kemudian kita lantik jadi bahasa Indonesia (1928), Tun Sri Lanang pun menulis dengan huruf Arab. Abdullah bin Abdul Qadir Munshi pun menulis bahasa Melayu dengan Arab.

Ulaama-ulama Islam yang besar, sejak Syeikh Nawawi Bentam, Syeikh Ahmad Khatib dan Syeikh Mokhtar Jaya'anjur di Mekah dan Syeikh Irsyad Banjar, semuanya kerajaan-kerajaan di Indonesia tidak ada wakil-wakil bangsa-bangsa asing yang dapat menyampaikan kehendak kepada raja-raja Indonesia, kalau dia tidak menulis surat rasmi

di dalam bahasa Indonesia lama, huruf Arab. Bahkan pelekat panjang yang terkenal di Sumatera Barat dan Tapanoli dibuat dua macam. Semacam bahasa Belanda dan semacam bahasa Melayu huruf Arab.

Kerajaan-kerajaan Jawa pada masa itu memakai dua huruf, yakni huruf Jawa dan huruf Arab itu.

Bendera Kiyai Tonggol Wawalung di Keraton Jogja bertulis huruf Arab.

Hendak mengetahui bagaimana pengaruh huruf Arab dalam masyarakat Indonesia abad kesembilan belas oleh abad kedua puluh, bolehlah dilihat dalam Gedung Archieve di Kota Jakarta.

Tetapi kemajuan yang pesat dan teratur dari pendidikan Belanda, dengan adanya H.I.S. MULO dan H.B. S. Mulailah selangkah demi selangkah huruf Arab itu tersingkir ke tepi, sebab di sana tidak diajarkan huruf Arab lagi. Sekolah yang masih mengajar huruf Arab dinamai "Sekolah Desa" atau "Sekolah Melayu" dalam sekolah-sekolah Melayu dan desa lama itu masih dapat di baca "Hikayat Cendera Hasan", "Hikayat Bakhtiar", "Hikayat Si Miskin" dan lain-lain.

Setelah pemerintah Belanda (Department Ondoruushan Eridinsat Manderican "Bali Pestak") mulailah

huruf Arab tidak dipentingkan lagi. Semenjak itu kehidupan huruf Arab tidak lagi atas lambukkan pemerintah. Kita harus menerima kenyataan bahawa huruf Latinlah huruf yang harus kita pakai. Supaya satu waktu ada perasaan, bahawasanya orang yang tidak pandai huruf Latin dipandangan buta huruf.

Setelah Kongres Pemuda (1928) merasmikan nama bahasa Melayu menjadi bahasa Indonesia dengan sendirinya huruf Arab bertambah jauh. Dahulu bahasa Melayu bertayang kepada huruf Arab, sekarang bahasa Indonesia bertayang jauh kepada huruf Latin.

Setelika heboh gerakan pembaharuan agama di Sumatera Barat, (1918) bagai cendawan tumbuhnya majalah-majalah sebagai *al-Munir, al-Taufiq wa al-Ifthiraf* dan lain-lain sebagainya. Tetapi sekarang semenjak kita tukar nama bahasa Melayu itu ke Semenanjung Tanah Melayu adapun di Indonesia tumbuhnya huruf Arab itu hanyalah kerana diperintahkan oleh yang mencintainya. Sebab ternyata bahwa kata-kata keagamaan amat sukar menuliskannya dalam huruf Latin.

Huruf Arab itu sekarang “terbenam” dalam daerah Bantam yang masih kuat keislamannya seperti Aceh, Sumatera Tengah, Kalimantan dan lain-lain.

Huruf Adalah Tumpahan Rasa

Huruf adalah tumpahan perasaan daripada bangsa. Dengan huruf itulah dia melukiskan apa yang terasa di hatinya. Bahawasanya huruf Arab yang telah diperlengkap dengan huruf ca. nga. ja. pa. itu amat rata penulisannya dengan Quran tidaklah syak lagi. Dan Quran sebagai sumber perasaan penganut agama Islam tidak pulalah dapat diragui lagi.

Sekarang kita telah memakai huruf Latin. Tetapi kalau kita renungkan, tidaklah cukup huruf Latin itu untuk menumpahkan perasaan kita sebagai seorang Muslim. Saya tidak memungkir bahawa dengan huruf Latin kita telah beruntung menyatukan bangsa kita. Tetapi sebagai seorang yang menghadapkan



Tuan Hanka bersama-sama Presiden Sukarno tatkala selesai menyempurnakan sembahyang Hari Raya di Tanah lapang di Jakarta.

-----*-----*

perhatian kepada penyebaran agama dengan tulisan, saya mengalami bahawasanya rasa Islam yang mendalam itu tidaklah dapat ditumpahkan sepenuhnya dengan huruf Latin. Apakah lagi zaman yang akhir-akhir ini.

Bahasa Indonesia baharu.

Bahasa Indonesia baharu kita kian lama kian bersimpang jalannya dengan jiwa Islam tidak sebagai bahasa Melayu tatakalah masih memakai huruf Arab dahulu, seorang Belanda ahli bahasa Melayu, iaitu Opison menciptakan beberapa kaedah untuk menusaikan huruf Arab. Misalnya huruf ‘ain” hendaklah “ain” itu diganti dengan koma.

Rakyat, Ra’yat, Ni’mat, ‘Arif, dan lain-lain. Tetapi menurut perubahan istilah sekrang ain itu harus diganti dengan K alangkah jauh simpangnya dengan tidak disedari Rakyat di tulis Ra’yat masih lumayan. Tetapi Ni’mat kalau di tulis Nikmat adalah membuat kening kita menjadi berkerut. Sebab Nikmat dengan memakai K ertinya ya nikmat. Tetapi Nikmat ertinya

lawan dari ni'mat. Iaitu kemurkaan Tuhan, bukan ni'mat Tuhan.

Dahulu bahasa Arab adalah bunganya bahasa Melayu. dalam “ dua sebaya” yang masih di ajarkan di sekolah rendah, atau sekolah desa, di fasal yang akhir masih tercantum bahasa Arab yang telah diindonesiakan tetapi bahasa Indonesia baharu bukanlah berbunga bahasa Arab, melainkan tertayang bahasa Belanda berisi bahasa Belanda. Jadi bukan sahaja berbunga.

Kata-kata “yang mana, tempat mana” adalah jelmaan “*warhain*” *warmid*” dan segala “War” dengan tak sedar orang telah merasa enak sahaja. Apakah lagi orang-orang yang terdidik kebelandaan berpuluh-puluh tahun tidak sanggup berbahasa Indonesia, lalu memindahkan caranya berfikir dari Belanda ke Indonesia.

Entah sahaja entah tidak, kata-kata Arab yang telah ada dalam bahasa Indonesia gantinya ialah bahasa Belanda yang diindonesiakan. Bila mana tuan mendengar pidato radio kalau tuan hanya mengerti bahasa Melayu itulah yang diindonesiakan, Tuan akan bingung dan tidak mengerti sebab hampir setiap susun kata di “ Sempurnakan” dengan bahasa Belanda.

Perlumbaan Memperkaya Bahasa


Maka berlumbalah mereka itu “memperkaya” bahasa Indonesia

itu dengan berbagai bahasa asing. Kerap kali kerana tidak sanggup mencari kalau-kalau masih ada dalam bahasa Indonesia asli, iaitu bahasa Melayu setengahnya berlumba mencari dalam bahasa “dewa-dewa” iaitu bahasa Sanskrit. Duta, mahasiswa, pancasila, mahaguru, bayang kari, cendera di muka” dan sebagainya” segala puji bagi dewa”! maksud itupun berhasil. Apakah lagi kedewaan itu masih tetap dibela dan dipertahankan sentiasa dimainkan dalam radio, walaupun yang mengerti hanya sebahagian kecil sahaja!

Sebahagiannya lagi “memperkaya” mencelupkan bahasa asing Bahasa Belanda dan Inggeris, ‘distribusi’, interaksi, kontraksi, aksioma, efisien dan entah berangak Indonesia telah menempa banyak lagi.

Adapun memperkaya dengan bahasa Arab, di zaman yang akhir ini sudah agak lemah dan terdesak memakai bahasa Arab, dikatakan bau samin.

Hal itu tidak pula kita sesalkan kepada siapa-siapa. Memang, orang yang membela pengambilan bahasa Indonesia dari bahasa Melayu dan bahasa Melayu dengan huruf Arabnya terpengaruh oleh Quran bahkan citra-citra dewa Melayu lama pun, akhirnya disisipi oleh nama Allah dan malaikat, di zaman yang akhir ini telah kurang jumlahnya. Dia tidak berani mengemukakan, kerana dilihatnya sebahagian besar orang yang memakai bahasa Indonesia baharu tidak mengerti!



Sesudah menjadi sebuah negara Islam yang utama maka tiba zaman Kamal Atatürk mengubah kebudayaan Islam itu kepada kebudayaan Barat. Gambar ini menunjukkan sebuah pantai Istanbul menjadi tempat mandi beramai-ramai di sana.


Mengapa mengalah? Bukankah tuan pun tidak mengerti kalau mendengar mereka bercakap Indonesia campur aduk dengan bahasa asing sehingga tuan terpaksa melihat kamus. Apakah tuan tidak berniat pada menyuruh mereka melihat kamus untuk mengetahui bahasa Arab yang tuan pakai?

Kalau mereka memakai aksioma pakailah badihi, Kalau mereka memakai relative pakailah nisbi. Kalau mereka memakai dicipline pakailah nazam. Kalau mereka memakai constructive pakailah pembangunan.

Saudara Mohammad Natsir saya lihat insaf akan hal ini. Dalam statement-nya (maklumat?) baharu-baharu ini dia memakai “khotah” yang orang lain biasa memakai pelan. Dalam kita lain dia pernah memakai gharibzhah, sebagai ganti dari infiniti.

Kembali ke Huruf Arab

Kita menyukung unjuran dari budiman Haji Agus Salim itu. Supaya huruf Arab jangan dibiarkan terbenam begitu sahaja bahasa Indonesia baharu yang masih campur aduk ini, hanyalah main di atas kulit air. payah sekali sampainya ke dalam masyarakat desa yang masih kuat dengan huruf Arabnya. Kalau tuan hendak sampai kembali ke dalam hati dan perasaan nurani mereka pelajarilah kembali huruf Arab bukan maksudnya kita menghapuskan huruf Latin. Hanya mengingatkan kepada masyarakat Islam, janganlah dilalaikan huruf Arab. Kalau memerintah menghargai akan jiwa yang tumbuh dala masyarakat terbesar di Indonesia, tentu akan dikembalikannya ke dalam tempatnya yang layak dalam sekolah pemerintah. Kalau tidak, maka hendaklah



Di dalam masjid di negeri Turki yang gambarnya ditarakan di atas ini hidup semula tulisan-tulisan huruf Arab yang indah itu yang menunjukkan keadaan dan kesenian Islam yang sebenar.

-----*-----*

urus sendiri, bila sendiri dan pertahankan sendiri.

Huruf Latin amat miskin untuk menumpahkan rasa keislaman. Bangsa Turki yang 25 tahun menjawab menyingkirkan huruf Arab, akhirnya dua tahun di belakang ini kembali mempelajari huruf Arab.

Haji Agus Salim yang mengalami sendiri kekurangan itu adalah seorang yang luar biasa kelihatan dalam bahasa Barat, bahasa Belandanya, Inggerisnya Perancisnya seperti air keluar dari mulutnya. Dia pun amat fasih berbahasa Arab, sehingga padanya bahasa Arab “di Fouad Al-Awal University” amat mengagumkan orang Mesir dan dia tahu bahasa Turki sampai kepada kesusteraannya. Bila dia menulis, maka tulisannya bukanlah sekadar difaham oleh mereka

yang “antuh, sundar dan justeru” sahaja tetapi dapat diresapkan ke dalam hati oleh orang yang buat huruf sekalipun apa sebab? Sebab kendali bahasa Melayu pokok asli bahasa Indonesia. Iaitu huruf Arab ada terpegang di tangan beliau.

Bukan sahaja dari segi keagamaan, bahkan dari segi intisari bahasa Indonesia yang sebenarnya, tersimpanlah dalam huruf Arab.

Pengaruh Huruf ke Atas Bahasa dan Bangsa

(Kita sedang berura-urakan menyampaikan huruf Jawi ini ke seuruh Indonesia dengan menghantarkan majalah Qalam di sana. Mudah-mudahan ikhtiar kita ini akan berjaya dan akan mendapat sambutan yang baik untuk menyampaikan segala tujuan mereka supaya sampai maksud mereka menghidupkan semangat orang Islam kita di sana menggemari huruf Jawi-P)

-----*-----*-----



Parsi telah menggegarkan dunia oleh kerana tuntutan-tuntutannya kepada hak-haknya. Sungguhpun begitu kemajuan tetapi mereka tidak menukar hurufnya berasal dari huruf Arab itu sebagaimana juga yang digunakan di dalam huruf Melayu

KEMERDEKAAN AGAMA

TAK SAMA DENGAN KEMERDEKAAN ISLAM

Perhatilah dengan sungguh-sungguh bahawa Islam mempunyai undang-undang ibadat pergaulan, mengatur negara sivil dan kriminal. Ringkasnya mempunyai hukum-hukum ibadat dan keduniaan. Dari itu pemerintah Indonesia tidak beri kepada Muslimin di sini kemerdekaan agama tetapi kemerdekaan beribadat.

Kalimah “kemerdekaan agama” kalau diharapkan kepada agama atau pemeluk Kristian, memang betul, kerana mereka tidak mempunyai undang-undang buat kenegaraan. Kalau pemerintah Indonesia beri kemerdekaan beribadat, maka ini bukan satu kemurahan kerana dalam dunia dewasa ini boleh dibilang tidak ada negara yang tidak boleh membolehkannya hingga Palestin, Yahudi dan Sepanyol Kristian yang sangat anti kepada Islam ada memberi kelonggaran ini. Islam belum boleh dikatakan mempunyai kemerdekaan agama Muslimin belum dapat menjalankan undang ibadat dan keduniaan dengan leluas. (Dipetik daripada Majalah Kritik keluarannya yang pertama bulan Mei 1952 yang diterbitkan oleh “Persatuan Islam” bahagian Pustaka Bangil Indonesia).

Sudah terbit!

Pesan Sekarang!

((PUTERI SEPANYOL))

Atau (Tariq bin Ziyad)

Tarikh Islam melangkah ke Spain – digambarkan di dalam suatu cerita yang menarik – karangan Jerji Zidan – dimelayukan oleh Abdullah Basmeh – dua penggal tamat.

Senaskah \$1.20 pos 10 sen.